

KAD KREDIT VISA GSC HONG LEONG BANK: KEMPEN FASTEST FOOD DEAL EVER**Tempoh Kempen**

“Kad Kredit Visa GSC Hong Leong Bank: Kempen Fastest Food Deal Ever” (“Kempen”) oleh Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada 5 November 2020 dan berakhir pada 31 Januari 2021 (“Tempoh Kempen”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen (“T&S”):-

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Bank sedia ada dan baharu yang memenuhi semua kriteria di bawah semasa Tempoh Kempen (“Pelanggan yang Layak”) adalah layak untuk menyertai Kempen:
 - a. Membuka salah satu (1) dari Akaun Semasa, Akaun Simpanan atau Akaun Deposit Tetap yang berikut (“Akaun Ambil Bahagian”) di salah satu cawangan HLB :
 - i) Akaun Semasa Asas Hong Leong;
 - ii) Akaun Semasa Hong Leong;
 - iii) Akaun Pay&Save Hong Leong;
 - iv) Akaun Simpanan Asas Hong Leong;
 - v) Akaun Simpanan Hong Leong;
 - vi) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong;
 - vii) Akaun Top Yield Hong Leong;
 - viii) Akaun Simpanan Premium Hong Leong;
 - ix) Akaun SmartLink Hong Leong;
 - x) Akaun One Hong Leong;
 - xi) Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong;
 - xii) Akaun Senior Prime CA Hong Leong;
 - xiii) Akaun Deposit Money Deposit Hong Leong;
 - xiv) Akaun Simpanan Asas Payroll Hong Leong;
 - xv) Akaun Simpanan Pay&Save Hong Leong;
 - xvi) Akaun Payroll Pay&Save Hong Leong;
 - xvii) Akaun Deposit Tetap Konvensional Hong Leong;
 - xviii) Akaun Flexi Deposit Tetap Hong Leong
 - b. Memohon untuk Kad Kredit Visa GSC Hong Leong Bank (“Kad yang Layak”) pada tarikh yang sama dengan pembukaan akaun salah satu Akaun yang mengambil Bahagian.
 - c. Berumur diantara dua puluh satu (21) hingga enam puluh lima (65) tahun; dan
 - d. Memperoleh pendapatan minima sebanyak Dua-Puluh-Empat Ribu Ringgit Malaysia (RM24,000).
2. Berikut adalah pelanggan yang TIDAK layak untuk menyertai Kempen:
 - a. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;

- b. Pelanggan yang telah dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat;
- c. Pemegang kad utama atau pemegang kad tambahan Kad yang Layak sedia ada;
- d. Pemegang kad sedia ada dimana akaun Kredit Kad HLB adalah tertunggak; dan
- e. Pelanggan yang memohon Kad yang Layak sebelum Tempoh Kempen.

Mekanik Kempen

3. Satu Ribu Lapan Ratus (1,800) Pelanggan pertama yang Layak yang memenuhi kriteria dibawah Klausa 1 diatas semasa Tempoh Kempen (“Peruntukan Maksima”) akan layak untuk menerima satu baucar Kentucky Fried Chicken (“**KFC**”) bernilai Dua-Puluh Ringgit Malaysia (RM20) (“**Baucar**”).
4. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak untuk menerima satu (1) baucar sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
5. HLB tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk memberitahu Pelanggan yang Layak apabila Baucar yang disediakan telah mencapai had Peruntukan Maksima seperti yang dinyatakan di Klausa 3 di atas.
6. Baucar akan diberi kepada Pelanggan yang Layak oleh pekerja HLB apabila permohonan dibuat dengan menyertakan permohonan lengkap bersama dokumen diperlukan untuk Kad yang Layak dan membuka Akaun Ambil Bahagian dimana mana cawangan HLB. Selepas itu, Pelanggan yang Layak perlu melengkapkan Borang Perakuan untuk memperakui bahawa pelanggan telah menerima Baucar.
7. Pihak Bank tidak mewakili atau memberi jaminan terhadap kualiti atau kesahihan Baucar kepada Pelanggan yang Layak dan tidak akan bertanggungjawab menggantikan Baucar sekiranya hilang, kerosakan, tamat tempoh, dicuri atau Baucar koyak. Sebarang permintaan untuk menggantikan Baucar yang hilang, kerosakan, tamat tempoh, dicuri atau koyak tidak akan dilayan oleh HLB.
8. Baucar dikeluarkan oleh KFC (“**Pengeluar**”) dan sebarang pertanyaan atau pertikaian berhubung dengan penggunaan Baucar harus diselesaikan secara terus diantara Pelanggan yang Layak dan Pengeluar tanpa sebarang tuntutan terhadap pihak Bank. Terma dan Syarat Pengeluar berkenaan dengan Baucar akan terpakai.

UMUM

9. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan yang Layak dengan ini:
 - (a) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Umum Perjanjian Pemegang Kad, Terma dan Syarat Umum Bank berkenaan Akaun dan Terma dan Syarat Akaun Ambil Bahagian yang terdapat di Laman Sesawang HLB;

- (b) bersetuju bahawa keputusan HLB dalam semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, akhir dan mengikat kepada semua Pelanggan yang Layak;
- (c) bersetuju bahawa Baucar adalah tidak boleh dipindah milik kepada sebarang pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang atau sebarang bentuk lain; dan
- (d) bersetuju untuk melawat Laman Sesawang HLB pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S Kempen ini dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S.

10. HLB berhak untuk:

- a. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen ini untuk sebarang sebab jua HLB berpendapat musnabah;
- b. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang HLB, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank untuk memberi notis lebi awal kepada Pelanggan yang Layak; dan
- c. menggantikan Baucar dengan hadiah alternatif yang bersamaan nilai dengan memberi notis terdahulu.

11. Akaun Pelanggan yang Layak mesti sah/aktif, dalam keadaan baik dan tidak melanggar sebarang T&S Kempen dan/atau Terma dan Syarat Umum Perjanjian Pemegang Kad HLB dan/atau Terma dan Syarat Umum Akaun pada masa pemberian Baucar.

12. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia

13. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang HLB akan diguna pakai.

Produk Deposit layak untuk perlindungan dari Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) hingga sebanyak RM250,000 bagi setiap pendeposit.